

Dua perak bersejarah daripada pesilat negara



SYABASI! Sheik Ferdous dan Nurzuhairah 'menggigit' pingat perak yang dimenangi mereka di Sukan Asia Indonesia di mana silat tampil dipertandingkan buat pertama kali dalam sejarah temasya sukan terbesar rantau ini. – Foto PERSISI

MESKIPUN kedunya tewas di tangan pesilat Indonesia di pusingan akhir, namun pesilat negara Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dan Nurzuhairah Mohammad Yazid boleh berbangga kerana berjaya mencipta sejarah dalam kategori masing-masing di Sukan Asia Indonesia semalam.

Sheik Ferdous merangkul pingat perak Singapura dalam kategori tanding Kelas I (85-90 kilogram) manakala Nurzuhairah turut meraih perak dalam kategori seni Tunggal Puteri.

Seni mempertahankan diri tradisional itu dipertandingkan buat pertama kalinya dalam sejarah temasya sukan tersebut.

Sheik Ferdous kalah di tangan Aji Bangkit Pamungkas manakala Nurzuhairah menamatkan rutinnya dengan 445 mata. Acara itu dimenangi Puspa Arumsari dengan 467 mata.

Laporan lain Sukan Asia Indonesia

– Muka 15